




B A B : I

F a s a l P e r t a m a

1. TA^CRIF DAKWA PADA BAHASA DAN SYARA^C

1.1 Ta^Crif Dakwa Pada Bahasa

1.1.1 Menurut Muhammad al-Syarbinīy al-Khātib¹ dalam kitabnya 'al-Iqnā^C' dakwa pada bahasa ialah tuntutan dan harapan. Firman Allah² s.w.t. yang bermaksud;

"Di syurga itu mereka memperoleh buah-buahan dan apa yang mereka minta (tuntut)"

Selain daripada itu, dakwa juga memberi makna doa'. Firman Allah s.w.t.³ yang bermaksud;

"Doa' "puja dan puji mereka kepada Allah" di dalamnya ialah "Maha Suci Engkau, Wahai Tuhan Kami" dan salam penghormatan mereka ialah "Sejahtera dari segala bencana" Dan penutup doa' mereka ialah "Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam"

1.1.2 Dalam kitab 'Syarh^C Imād al-Ridā',⁴ dakwa pada bahasa ialah tuntutan. Huruf akhirnya berupa 'ālif' (**الف**), menunjukkan status kata itu ta'nis. Jama^Cnya da^Cāwī (**دَعَاوِي**) atau da^Cāwā (**دَعَاوَى**) sama seperti fatawā (**فَتَاوَى**) atau fatawī (**فَتَاوِي**).

1.1.3 Manakala dalam kitab 'al-Qadā' Fi Syarī^cat al-Islāmiyyah⁵, dakwa menurut istilah bahasa ^carab bermaksud nama bagi sesuatu yang didakwa, dengan lain perkataan lafaz yang disebut itu di dalam dakwaan itulah yang dinamakan dakwa.

1.1.4 Syeikh Mahmud ^cAli Qurā^cah⁶, menta^crifkan perkataan dakwa dari segi bahasa dengan lebih jelas lagi, iaitu perkataan yang lahir dari pendakwa dengan tujuan menyatakan kepada Hakim bahawa ia mempunyai sesuatu hak yang masih berada di dalam tanggungan orang lain secara mutlak.

1.1.5 Ta^crifan yang sama juga dikemukakan oleh Ibn Humām⁷, dengan menjelaskan bahawa dakwa pada bahasa ialah perkataan yang dimaksudkan oleh manusia yang dapat diterima oleh Hakim di dalam menuntut sesuatu hak yang masih didalam tanggungan orang lain.

1.2 Ta^crif Dakwa Pada Syara^c

1.2.1 Ibn Qudamah⁸ dalam kitabnya 'al-Mughnīy' menta^crifkan dakwa pada syara^c ialah seseorang menyatakan sesuatu hak yang masih berada di dalam tanggungan orang lain di hadapan Hakim.

1.2.2 Para Fuqaha'⁹ menta^crifkan perkataan dakwa ialah perkataan yang lahir dari seseorang yang menuntut sesuatu hak yang masih berada di dalam tanggungan orang lain ketika berlakunya pertikaian atau mempertahankan sesuatu hak bagi dirinya.

1.2.3 Menurut Fathīy Othmān¹⁰ pula dakwaan itu ialah seseorang pendakwa meminta perlindungan kepada Hakim untuk menetapkan haknya yang diingkari oleh orang lain atau mengembalikan haknya yang telah dirampas.

1.2.4 Sebahagian Fuqaha' menegaskan¹¹ dakwaan adalah hak itu sendiri yang berada di dalam keadaan tenang, tetapi apabila telah diingkari oleh orang maka si pemiliknya akan meminta perlindungan kepada Hakim. Inilah yang dinamakan sebagai dakwa.

1.2.5 Dari definisi-definisi di atas dapatlah penulis simpulkan bahwa dakwaan pada istilah bahasa ialah tuntutan dan harapan. Manakala menurut istilah syara^c pula, apa-apa kenyataan yang lahir dari orang yang menuntut (pendakwa) yang dapat diterima oleh orang yang mempunyai hak penyelesaian (Hakim) dalam Mahkamah, bagi menuntut sesuatu hak yang masih berada di dalam tanggungan orang lain, apabila terbukti kebenarannya.

2. KEPENTINGAN DAKWAAN DAN KETERANGAN

2.1 Sistem Kehakiman Islam telah memperuntukkan bahagian 'Dakwaan dan Keterangan' sebagai cara untuk menentukan hak dan pembelaan kepada pihak-pihak yang teraniaya. Maka dalam Mahkamah akan dibuat penentuan hak-hak mereka masing-masing berdasarkan dakwaan dan keterangan mereka. Oleh itu acara dakwaan dan keterangan amat penting demi mewujudkan ke^cadilan dan menghindarkan pihak-pihak yang teraniaya terus dizalimi.

2.2 Islam telah menetapkan beberapa cara untuk mensabitkan sesuatu dakwaan. Antaranya ialah melalui pengakuan (iqrār), kesaksian (Syahādah), sumpah (yamīn), penolakkan sumpah (nukūl), Qarinah, (relevensi), suratan (kitabah), kepakaran(khibrah), Qasāmah dan sebagainya.

2.3 Tugas pihak pendakwa ialah mengemukakan keterangan, manakala tugas pihak yang didakwa ialah mengakui atau menafikan segala keterangan pihak pendakwa dengan cara bersumpah. Ini jelas ternyata dalam Hadis Rasulullah s.a.w.¹² yang bermaksud;

"Dari ^CAbdullah Ibn Umar r.a. berkata, dari Rasulullah s.a.w. bersabda keterangan itu atas pihak pendakwa dan sumpah atas pihak yang didakwa"

2.4 Pihak Hakim hendaklah meneliti segala keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa agar kenyataan-kenyataan dakwaannya itu mempunyai bukti yang jelas dan terang. Pihak yang didakwa pula hendaklah bersumpah bagi melepaskan dirinya dari segala tuduhan pendakwa. Jika ia gagal membuktikan keterangannya, dan sumpah itu dilakukan di atas permintaan pihak pendakwa. Ini ternyata di dalam Hadis Rasulullah s.a.w.¹³ yang bermaksud;

"Dari Ibn Abbas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda kalau diberikan kepada manusia dengan semata-mata dakwaan sahaja nescaya ada yang menuntut darah dan harta orang lain, tetapi sumpah itu ke atas pihak yang didakwa"

2.5 Dalam Mahkamah, kadang kala salah satu daripada pihak-pihak yang bertikai bijak dan pandai berbicara dan memutarakan dakwaan dan keterangan sehingga keterangan yang betul-betul salah dapat diubah menjadi benar. Oleh itu Hakim hendaklah membuat perincian, kerana Hakim akan

menjatuhkan hukuman berdasarkan kepada zahir dan berpegang kepada apa yang dapat dilihat dan didengar sahaja.¹⁴ Dalam hal ini Rasulullah s.a.w.¹⁵ bersabda yang bermaksud;

"Aku disuruh menghukum berdasarkan fakta yang lahir dan Allah s.w.t. sahaja yang mengetahui perkara-perkara yang tersembunyi"

Seterusnya Rasulullah s.a.w.¹⁶ juga bersabda yang bermaksud;

"Dari Umu Salamah r.a. berkata Rasulullah s.a.w. telah bersabda sesungguhnya kamu mengadakan perselisihan kepada ku, barang kali di antara kamu ada yang lebih pandai bersoal jawab dari yang lain. Lalu aku jatuhkan baginya menurut keterangan yang aku dengar daripadanya. Maka barang siapa yang aku telah putuskan hukumannya dan ia beroleh kemenangan dari saudaranya dalam sesuatu perkara, maka janganlah ia ambil kemenangan yang bukan haknya itu, kerana itu bererti aku telah memotongkan baginya sepotong dari apai neraka"

2.6 Sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan. Hakim mestilah mendengar hujjah-hujjah dari kedua-dua pihak. Rasulullah s.a.w.¹⁷ mengingatkan dengan sabdanya yang bermaksud;

"Apabila datang kepada kamu wahai Ali dua orang yang meminta hukuman perbicaraan kepada kamu janganlah kamu menghukumkan bagi yang pertama sehingga kamu mendengar keterangan yang seorang lagi kerana bahawasannya apabila kamu lakukan demikian itu, nescaya ternyatalah bagaimana kamu hendak membuat keputusan atau hukuman yang benar"

2.7 Sesuatu hukuman yang dijatuhkan berdasarkan lahirriyyah disyaratkan adanya saksi, mengikut kes-kes yang dikemukakan. Oleh itu pihak pendakwa hendaklah mengemukakan keterangan dan pihak yang didakwa berhak membersihkan dirinya dengan cara bersumpah. Tetapi jika pihak pendakwa gagal untuk membuktikan dakwaannya, dan yang didakwa enggan melakukan sumpah, maka pihak pendakwa masih berpeluang untuk melakukan sumpah bagi membuktikan dakwaannya. Jika ia bersumpah, maka ia boleh menang dalam dakwaannya.¹⁸

2.8 Ringkasnya, dakwaan dan keterangan mempunyai hubungan yang rapat dalam memutuskan hukuman. Sesuatu dakwaan tanpa keterangan tidak akan diterima. Keterangan sangat penting dalam pentadbiran ke^cadilan untuk menghalang dakwaan yang palsu, lemah dan tidak beralasan.

3. BEBAN PEMBUKTIAN

3.1 Pembuktian dalam Kehakiman Islam merupakan perkara penting dalam menegakkan ke^cadilan dengan cara mendapatkan keputusan yang tepat dan tidak meninggalkan apa-apa perkara dalam syak atau kepada budi bicara Hakim sahaja.

Sebarang ketidaksempurnaan di dalam pembuktian akan menyebabkan ketidaktepatan dalam menjatuhkan hukuman. Seseorang Hakim akan bergantung sepenuhnya kepada pembuktian, bagaimana bentuk pembuktian di dalam Mahkamah, begitulah hukuman yang akan dijatuhkan. Perkara pokok yang ditekankan oleh Kehakiman Islam ialah soal kejujuran dalam pembuktian dan sanggup menerima akibat penyiksaan Allah s.w.t. apabila pembuktian itu di selewengkan.

3.2 Secara umumnya, dapat dikatakan pembuktian bermaksud pernyataan atau keterangan yang dibuat untuk membuktikan kebenaran secara zahir dan nyata yang dapat diterima oleh Mahkamah sebagai suatu fakta.¹⁹ Hence Best menta^crifkan pembuktian sebagai apa-apa fakta, kesan, kecenderungan atau rancangan yang dibuat untuk menunjukkan fikiran atau men-

yakinkan supaya mempersetujui atau tidak terhadap perkara-perkara fakta yang lain.²⁰ Sementara itu Prof. Cross mendefinisikan pembuktian sebagai keterangan saksi atau tanda dengar cakap (hearsay), suratan, bendaan dan fakta yang diterima oleh Mahkamah sebagai fakta asas di dalam satu-satu kes.²¹

Keperluan pembuktian ini juga ditegaskan oleh Akta Keterangan, di mana telah di peruntukkan bahawa barang siapa berkehendakkan Mahkamah memberikan hukuman tentang apa jua hak atau tanggungan di sisi undang-undang dengan bergantung atas adanya nyataan yang ditegaskan olehnya mestilah membuktikan bahawa nyataan itu ada.²²

Jadi dapatlah disimpulkan bahawa pembuktian itu ialah apa-apa nyataan sesuatu fakta sama ada dengan lisan, suratan atau bendaan yang diterima oleh Mahkamah dan di sisi undang-undang atau dorongan atau persediaan yang boleh dikemukakan untuk mempercayai atau menyakinkan atau menafikan nyataan yang menjadi soal. Kejayaan di dalam mengemukakan fakta atau nyataan yang menjadi soal, inilah yang dikatakan sebagai pembuktian.

3.3 Ke Atas Siapa Letaknya Beban Pembuktian

3.3.1 Dalam acara undang-undang Islam, beban pembuktian terletak di atas pihak pendakwa atau pihak yang menuntut samada dalam kes jenayah atau kes sivil. Perkara pembuktian biasanya tidak pernah ditanggung oleh pihak yang didakwa atau dituntut. Pihak yang didakwa hanya dibenarkan bersumpah. Ini berdasarkan Hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar yang bermaksud "keterangan itu di atas orang yang mendakwa dan sumpah atas orang yang ingkar".²³

3.3.2 Dalam Majallat al-Ahkam terdapat satu kekecualian pada prinsip bahawa tanggung jawab membuktikan keterangan pihak pendakwa. Perkara 1774 menyebutkan orang yang menerima amanah itu dibenarkan dengan sumpahnya bagi melepaskan diri daripada tanggungan. Misalnya, apabila mendakwa orang yang menaruh barang-barang kepada orang yang menerima pertaruhan itu, lalu orang yang menerima pertaruhan itu berkata, "aku telah kembalikan kepada engkau barang itu", maka dalam keadaan ini hendaklah di menangkan perkataannya dengan sumpah, tetapi jika ia hendak mengemukakan keterangan atau tidak mahu melakukan sumpah untuk melepaskan dirinya dari dak-

waan tersebut, maka hendaklah didengar keterangannya itu. Peruntukkan ini adalah berlainan dengan peruntukkan Am bahawa orang yang mengatakan ia telah mengembalikan barang itu hendaklah membuktikan nyataan itu, kerana perkara itu berada di dalam pengetahuannya iaitu samada barang itu telah dikembalikan atau sebaliknya.²⁴

3.3.3 Seksyen 102 Akta Keterangan memperuntukkan beban membuktikan di dalam sesuatu guaman atau perbicaraan adalah terletak atas orang yang akan tidak berjaya sekiranya tidak ada apa-apa keterangan jua pun diberi oleh mana-mana pihak. Misalnya, A mendakwa B menuntut tanah yang ada dalam milik B dan yang sebagaimana ditegaskan oleh A telah diberi kepada A menerusi wasiat C, iaitu Bapa B. Sekiranya tiada apa-apa keterangan diberi oleh mana-mana pihak, maka B akan berhak memilikinya. Oleh yang demikian beban bukti adalah terletak di atas A.²⁵

3.3.4 Dalam mana-mana perbicaraan samada jenayah atau sivil, beban atau tanggung jawab membuktikan nyataan-nyataan yang mustahak itu terletak di atas pihak pendakwa dan ianya harus memulakan. Keterangan yang dikemukakan itu hendaklah memuaskan Mahkamah.

Di dalam kes-kes sivil pula keterangan yang diperlukan untuk membuktikan adalah berdasarkan kepada pertimbangan kemungkinan, sementara di dalam kes-kes jenayah mestilah dibuktikan sehingga tidak ada syak wasangka yang munasabah (beyond reasonable doubt).

3.3.5 Walaubagaimana pun, kaedah ini terdapat kekecualiannya. Mengikut Common Law, sekiranya pihak yang didakwa menggunakan peruntukkan-peruntukan pengecualian yang dibolehkan oleh undang-undang iaitu dalam seksyen 105-106 Akta Keterangan di atas kes-kes anggapan, maka beban pembuktian terletak di atas dirinya.

3.3.6 Dengan kata lain, jika isu mengenai bangkitan marah dan mengejut (grave and sudden provocation) atau ketidaksempurnaan akal (insanity) atau khilaf nyataan²⁷ (mistake of fact) atau pertahanan persendirian²⁸ (self defence) atau lain-lain pengecualian sebagaimana yang terkandung di dalam Kekecualian Am (Bab IV seksyen 76-106) ditimbulkan oleh pihak situduh, maka beban pembuktian itu terletak di atasnya, sebaliknya jika pihak yang didakwa itu tidak menyentuh tentang kekecualian Am tersebut, maka beban pembuktian nyataan itu

tidak akan berubah atau beban pembuktian itu tetap terletak ke atas pihak pendakwa.

Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa terdapat unsur-unsur persamaan di antara kedua-dua acara ini, kerana masing-masing mengatakan bahawa beban membuktikan nyataan adalah dipikul oleh orang yang mendakwa atau orang menuntut samada di dalam kes-kes jenayah atau sivil. Walaubagaimana pun kaedah ini ada kekecualiannya di mana pihak didakwa harus memikul beban membuktikan nyataan di dalam kes-kes tertentu sahaja.

3.4 Beratnya Beban Pembuktian (Quantum of Proof)

3.4.1 Dalam undang-undang keterangan Islam berat membuktikan di dalam kes jenayah ialah sehingga ke peringkat kepastian dan keyakinan. Oleh itu pihak pendakwa hendaklah membuktikan sehingga tidak ada was-was yang munasabah. Prinsip ini mungkin melebihi daripada konsep yang diamalkan oleh Mahkamah-mahkamah Sivil hari ini, iaitu hingga tidak ada syak wasangka yang munasabah.

3.4.2 Jika pendakwa atau Hakim mendapati ada was-was terhadap tuduhan itu, maka Hakim hendaklah membebaskan pihak yang didakwa. Ini berdasarkan kepada sebuah Hadis yang bermaksud, "elakkan hukuman had, jika kedapatan adanya syubhat".²⁹ Begitu juga jika kedapatan was-was terhadap keterangan pendakwa, maka Mahkamah samada;

i. Membebaskan pihak yang didakwa dan seksaan di elakkan daripadanya atau,

ii. Menjatuhkan hukuman lain, iaitu bukan hukuman had, tetapi hukuman yang lebih ringan seperti ta^czir.

3.4.3 Dalam kes sivil pula, Hakim hendaklah menghukum berdasarkan prinsip-prinsip tertentu iaitu dengan mengikut keadaan yang lebih cenderung kepada kebenaran berdasarkan keterangan yang diberikan oleh mana-mana pihak. Hakim tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak, kerana tugasnya ialah menilai keterangan yang diberikan berdasarkan hukum undang-undang.

3.4.4 Mengikut Common Law, berat pembuktian bermaksud suatu nilai atau bentuk beban membuktikan diundang-undang. Dengan lain perkataan berapa banyak keterangan yang undang-undang kehendakki supaya dikemukakan mengenai beban membuktikan di sisi undang-undang terhadap sesuatu isu supaya dianggap sudah terlepas.

Berat beban pembuktian di sisi undang-undang dapat dikategorikan kepada:-

i. Nilai Tinggi, dalam perbicaraan jenayah iaitu sehingga tidak ada syak wasangka yang munasabah. Maksudnya bukti hingga tiada perasaan was-was lagi. Jika buktinya terlalu kukuh terhadap seseorang hingga meninggalkan cuma sedikit sahaja kemungkinan yang menyebelahnya.³⁰

ii. Nilai Pertengahan, iaitu nilai diantara yang digunakan dalam perbicaraan jenayah dan nilai yang digunakan di dalam perbicaraan sivil. Nilai ini biasanya digunakan di dalam perbicaraan kes-kes yang ada percampuran isu iaitu jenayah dan sivil.

iii. Nilai Rendah, iaitu nilai yang dikenali dalam perbicaraan-perbicaraan sivil sahaja, iaitu pembuktian atas kadar pertimbangan kemungkinan (proof on balance probabilities). Maksud pembuktian atas kadar pertimbangan kemungkinan ialah keterangan suatu pihak yang membawa kepada satu darjah kemungkinan ini lebih besar atau lebih tinggi daripada keterangan pihak lawannya.

Ringkasnya, dapatlah dikatakan bahawa terdapat perbezaan di antara undang-undang keterangan Islam dengan undang-undang keterangan barat dari segi darjah beban membuktikan. Undang-undang keterangan Islam lebih menegakkan ke^cadilan dan memastikan semua kes jenayah dan kes sivil itu benar-benar wujud supaya hukuman yang dijatuhkan itu adil dan saksama. Berbanding dengan undang-undang barat hanya sekadar tidak ada was-was yang munasabah sahaja.

4. RUKUN-RUKUN DAKWAAN

Sesuatu dakwaan hanya dikira sempurna dari sudut Kehakiman Islam, apabila adanya rukun-rukun tertentu. Rukun-rukun tersebut iaitu:³¹-

i. Orang yang menuntut hak iaitu pendakwa (al-Mudda' īy),

ii. Orang yang dituntut hak daripadanya iaitu yang didakwa (al-Mudda' ^cā Alaih),

iii. Sesuatu hak yang dituntut oleh pendakwa iaitu al-Mudda' ^cā bih.

iv. Lafaz ad-dakwa atau perkataan yang lahir dari pendakwa yang dikemukakan kepada Hakim dengan tujuan menyatakan bahawa ia mempunyai sesuatu hak yang masih berada di dalam tanggungan yang didakwa.

Penulis akan menjelaskan dengan lebih detail mengenai tiap-tiap rukun tersebut.

5. TA^CRIF PENDAKWA DAN YANG DIDAKWA

5.1 Hakim sebelum memulakan perbicaraan, beliau perlu mengenal pasti perbezaan di antara pendakwa dan yang didakwa supaya dapat melaksanakan Hadis Rasulullah s.a.w.³² yang bermaksud;

"Dari ^CAbdullah Ibn Umar r.a. dari Rasulullah s.a.w. bersabda mengemukakan keterangan adalah menjadi kewajipan pendakwa dan bersumpah adalah tanggung jawab yang didakwa"

Berdasarkan Hadis di atas, Hakim hendaklah memastikan siapakah yang dikatakan sebagai pendakwa atau wakilnya yang berkewajipan mengemukakan keterangan, dan siapakah yang didakwa yang bertanggungjawab untuk bersumpah, jika ia mengingkari dakwaan yang di hadapkan kepadanya.

5.2 Kedua-dua pihak iaitu pendakwa dan yang didakwa mempunyai ciri-ciri yang kita dapat lihat pada ta^Crifan-ta^Crifan berikut:-

i. Pendakwa ialah mereka yang membuktikan sesuatu hak, manakala yang didakwa ialah mereka yang menafikan sesuatu hak,³³

ii. Pendakwa ialah orang yang mendakwa sesuatu hak dalam tanggungan orang lain, dan yang dakwa ialah mereka yang mendakwa sesuatu hak yang zahir dan jelas,³⁴

iii. Pendakwa ialah mereka yang tidak boleh dipaksa untuk membuat dakwaan, sebaliknya pihak yang didakwa dipaksa untuk menjawab dakwaan,³⁵

iv. Pendakwa ialah mereka yang menyalahi asal atau uruf, sedangkan yang didakwa ialah perkataan mereka yang secocok atau sesuai dengan asal atau uruf.³⁶

v. Pendakwa ialah mereka yang membuat tuntutan ke atas sesuatu hak yang masih berada di dalam tangan orang lain atau untuk membuktikan sesuatu hak yang masih menjadi tanggung jawab orang lain, manakala yang didakwa ialah mereka yang mengingkari dakwaan tersebut.³⁷

5.3 Dalam istilah undang-undang barat, pendakwa disebut sebagai 'plaintif', manakala yang didakwa sebagai 'defendant'.

6. SYARAT-SYARAT BAGI PENDAKWA DAN YANG DIDAKWA

6.1 Para Fuqaha' telah menetapkan bahawa setiap pendakwa dan yang didakwa mestilah mempunyai syarat kelayakkan. Syarat-syarat tersebut ialah:-

i. Mukallaf (^caqil dan baligh)

Dalam kitab ^cIanat at-Talibin³⁸ disyaratkan mukallaf kepada pendakwa dan yang didakwa. Oleh itu Hakim tidak boleh mendengar dakwaan dari kanak-kanak dan orang gila atau mendengar pendakwaan ke atas mereka, kecuali adanya keterangan.³⁹

Walaupun Fuqaha' Mazhab Hanafi, mengharuskan bagi kanak-kanak yang diberikan keizinan oleh walinya membuat dakwaan atau menjawab yang dikemukakan kepadanya. Pendapat ini diperseetujui oleh Fuqaha' Mazhab Maliki, tetapi terdapat sedikit perbezaan yang mana mereka tidak mensyaratkan kepada kanak-kanak tersebut mendapat keizinan daripada walinya untuk membuat dakwaan atau menjawab dakwaan.⁴⁰

Bagi orang yang mabuk dan yang hilang akal dengan sebab mengambil sesuatu yang memabukkan dengan sengaja, maka dakwaannya dianggap sah sebagai pendakwa dan yang didakwa. Sebaliknya jika mabuk yang tidak disengajakan, maka dakwaan dan pendakwaan ke atasnya dianggap tidak sah. Walau bagaimana pun harus diambil pemerhatian apa yang dimaksudkan dengan diterima dakwaan dan pendakwaan ke atas orang yang mabuk ialah percakapan yang lahir pada awal-awal ketika ia hendak mabuk, tetapi jika mabuknya itu sehingga menyebabkan ia terjatuh ke dalam longkang dan tidak dapat membezakan di antara emak dan isterinya, maka seseorang Hakim tidak boleh mendengar dakwaan dan pendakwaan ke atasnya.⁴¹

Mengenai orang yang ditahan hartanya oleh kerajaan daripada mengendalikan atau menguruskannya disebabkan safah (tidak bijak mentadbirkan harta) atau kerana muflis, maka dakwaannya dianggap sah sebagai pendakwa dan yang didakwa.⁴²

ii. Al-^cIsmah⁴³ (orang yang terpelihara darah dan hartanya)

Pendakwa dan yang didakwa disyaratkan terdiri dari orang yang tunduk dan patuh terhadap hukum atau undang-undang Islam seperti orang Islam dan kafir zimmi, oleh kerana darah dan harta mereka itu terpelihara.

Sebaliknya tidak sah satu-satu dakwaan dan penafian dakwaan, jika pendakwa dan yang didakwa itu terdiri dari kafir harbi, kerana mereka itu tidak tunduk dan patuh terhadap hukum atau undang-undang Islam.

Di tambah satu syarat lagi kepada orang yang didakwa, iaitu yang didakwa itu hendaklah ditentukan.

Namun demikian, kadang kala seseorang Hakim itu boleh mendengar satu-satu dakwaan tanpa menentukan orang yang didakwa, di dalam kes-kes seperti pembunuhan, yang didakwa ke atas satu orang yang tidak ditentukan dari kalangan satu kumpulan apabila ternyata adanya al-lauth iaitu salah satu

qarinah yang boleh diterima, kerana ia adalah merupakan satu bukti yang nyata untuk menerangkan adanya pembunuhan.⁴⁴

Kesimpulannya, sebahagian para Fuqaha' menetapkan syarat kelayakkan yang sempurna iaitu ^Cadil dan baligh kepada pendakwa dan yang didakwa. Sebaliknya, Fuqaha Mazhab Hanafi tidak menetapkan syarat kelayakkan yang sempurna kepada pendakwa dan yang didakwa, kerana mereka telah mengharuskan kepada kanak-kanak yang beraqal yang diberikan keizinan oleh walinya untuk membuat dakwaan atau menjawab dakwaan yang dikemukakan terhadapnya.

Syarat ini amat penting kerana dakwaan dan penafian dakwaan merupakan satu kira bicara yang akan menghasilkan natijah dan penghukuman menurut syara^C. Oleh itu bagi kedua-dua pihak yang tidak mempunyai syarat kelayakkan yang sempurna maka tuntutan mereka itu akan dilakukan oleh wali atau penjaga mereka.

7. TA^cRIF SESUATU BENDA (HAK) YANG DITUNTUT

7.1 Al-Mudda'ābih ialah benda atau hak yang dituntut oleh pihak pendakwa. Para Fuqaha' bersepakat mengatakan bahawa apabila seseorang Hakim itu dilantik oleh pemerintah, maka beliau berkuasa untuk mendengar semua jenis kes, samada kes jenayah atau kes sivil.

Ibn Rushd⁴⁵ menegaskan bahawa seseorang Hakim itu mempunyai bidangkuasa menjalankan hukuman ke atas semua hak samada hak Allah s.w.t. atau hak anak Adam. Sementara itu, al-Faqih al-Maliki al-Andalusi⁴⁶ menambah lagi katanya, "Hakim mempunyai kuasa untuk mendengar semua kes termasuk menegakkan kebenaran dan mengembalikan hak-hak, mengubah segala kemungkaran dan mendengar perkara-perkara yang berhubung dengan kepentingan umum".

7.2 Namun demikian, ada juga hakim-hakim yang telah dikhususkan bagi mendengar dakwaan yang berkaitan dengan perkara-perkara tertentu sahaja, seperti hukum kekeluargaan, sivil, perdagangan, jenayah dan sebagainya.

Menurut al-Mawardi⁴⁷ dalam kitabnya al-Ahkam as-Sultaniyyah, beliau berkata -yang bermaksud, "apabila disatu-satu tempat dua orang Hakim, yang masing-masing diberikan tugas bagi menanggapi perkara-perkara yang berbeza. Misalnya seorang dikhususkan untuk menyelesaikan masalah hutang piutang dan seorang lagi tentang perkahwinan, maka bidang kuasa mereka hanya pada kes-kes yang dikhususkan itu sahaja"

7.3 Terdapat beberapa perkara yang tidak boleh dijadikan sebagai tajuk dakwaan. Dalam erti-kata lain, seseorang Hakim tidak mempunyai kuasa untuk mendengar sesuatu dakwaan dan menjatuhkan mengenainya. Fuqaha' telah berkata Hakim dilarang mendengar dakwaan ke atas barang waqaf atau harta peninggalan yang telah melampaui 33 tahun,⁴⁸ Hakim juga dilarang mendengar dakwaan ke atas sesuatu hak yang telah melampaui 15 tahun, sedangkan pemiliknya tidak ada halangan yang munasabah untuk⁴⁹ menuntutnya.

7.4 Selain daripada itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadat juga tidak boleh dijadikan kes dakwaan, kerana ia lebih sesuai sebagai tajuk

fatwa. Misalnya, seseorang Hakim tidak berhak menjatuhkan hukuman bahawa sesuatu sembahyang itu sah atau batal, air yang digunakan itu suci atau najis.⁵⁰

7.5 Kadang kala al-Mudda'^Cā bih itu berbentuk harta, hutang, aqad, hak dan sebagainya.

i. Syarat sah dakwaan terhadap harta tak alih⁵¹
(immovable property)

a. Tiap-tiap dakwaan terhadap harta tak alih itu hendaklah diterangkan dengan detail tentang sifat-sifatnya supaya tidak ada kesamaran,

b. Di sebutkan sempadan atau had batasnya. Misalnya sekeping tanah dinyatakan disebelah mana terletak tanah tersebut, samada disebelah utara, selatan, timur dan barat. Dinyatakan juga keluasan tanah itu, di samping menyebutkan tempat, daerah atau negeri terletak tanah tak alih itu atau tanah tersebut,

c. Hendaklah dinyatakan garis pemisah harta tak alih itu, di antara hak pihak pendakwa dengan hak yang didakwa, jika harta tak alih itu bersambung, tidak perlu disebutkan garis pemisah.

ii. Syarat sah dakwaan terhadap harta alih⁵²
(movable property)

a. Harta alih itu hendaklah dikemukakan ke Mahkamah, sekiranya tidak memerlukan apa-apa bayaran. Dalam hal ini ahli-ahli tafsir berselisih pendapat mengenainya. Sebahagiannya menyatakan walaupun harta alih itu tidak mampu untuk dibawa ke Mahkamah secara bersendirian tetapi, pihak yang didakwa dikehendaki mengemukakanya ke Mahkamah, sekali pun memerlukan upah atau bayaran. Manakala sebahagian yang lain pula berpendapat pihak yang didakwa tidak perlu membawa harta itu ke Mahkamah, jika memerlukan upah atau bayaran.

b. Sesuatu dakwaan ke atas harta alih yang telah rosak dianggap sah, dengan syarat menyebutkan nilai, jenis atau sifat-sifatnya saja, sama seperti dakwaan ke atas sesuatu hutang, para Fuqaha' berselisih pendapat dalam hal ini. Al-Imam Abu Hanifah menyatakan pihak pendakwa mestilah memperjelaskan dengan sempurna tentang harta alih yang rosak itu. Manakala menurut dua sahabat Abu Hanifah, cukup sekadar menerangkan tentang nilainya sahaja.⁵³

8. LAFAZ (SIGHAH) DAKWAAN

8.1 Tidak ada satu lafaz atau sighah dakwaan yang tertentu, yang mesti digunakan oleh pihak pendakwa untuk mengemukakan sesuatu dakwaan dalam Mahkamah. Apa yang penting ialah setiap perkataan, ungkapan yang dapat menyampaikan maksud dakwaan itu. Dalam erti kata lain, perkataan itu dikira sah untuk dijadikan lafaz dakwaan apabila ia memenuhi syarat-syarat berikut:-⁵⁴

i. Lafaz dakwaan itu hendaklah menunjukkan keyakinan pihak pendakwa untuk mensabitkan sesuatu hak yang dituntutnya dari pihak yang didakwa. Sekiranya pendakwa menggunakan lafaz yang menunjukkan keraguan dan sangkaan, maka dakwaannya tidak dikira sah,

ii. Pendakwa hendaklah menyebutkan bahawa ia menuntut hak yang didakwa itu dari pihak yang didakwa, samada sesuatu hak itu dalam bentuk hutang, harta alih, harta tak alih itu sebagainya. Sekiranya pendakwa tidak menyebutkan tuntutanannya itu dalam dakwaannya seperti katanya; "aku mempunyai hak sebanyak 100 dirham ke atas si-

pulan" dan terhenti setakat itu sahaja, maka dakwanya tidak diterima oleh Hakim, selagi ia tidak berkata "aku menuntut hak ini daripada si pulan dan aku meminta supaya Hakim memutuskan bagi ku hak ini ke atas si pulan".⁵⁵

iii. Mengenai dakwaan harta tak alih (immovable property), pihak pendakwa hendaklah menyebutkan bahawa harta tak alih itu masih berada di dalam tanggungan pihak yang didakwa. Sebaliknya jika pihak pendakwa gagal menjelaskan, maka pihak yang didakwa tidak diwajibkan untuk menjawab tuntutan atau dakwaan yang dikemukakan kepadanya.⁵⁶

iv. Dalam dakwaan mengenai harta alih (movable property) yang masih berada di dalam tanggungan pihak yang didakwa, maka pihak pendakwa hendaklah menyebutkan perkataan 'tanpa hak', tujuannya ialah untuk mengelakkan keraguan tentang harta alih tersebut. Contohnya, benda yang didakwa itu sebagai gadaian, maka bererti pihak yang didakwa memegang benda atau hak harta itu secara hak. Jadi bukanlah pihak yang didakwa itu sebagai lawan kepada pihak yang mendakwa atau yang menuntut hak.⁵⁷